

KERATAN AKHBAR-AKHBAR TEMPATAN
TARIKH: 8 JANUARI 2014 (RABU)

Bil	Tajuk	Akhbar
1.	Tingkat kesedaran tentang cuaca	Utusan Malaysia
2.	Lindungi mata ketika lihat fenomena tompok matahari	KOSMO
3.	Lindungi mata ketika lihat fenomena tompok matahari – Angkasa	Bernama.com
4.	Guna alat pelindung mata	Harian Metro
5.	Saintis Frim terima anugerah	Sinar Harian
6.	Amaran angin kencang dan laut bergelora mulai Jumaat	Bernama.com
7.	Lanslide freezes KL traffic	The Star
8.	CyberSecurity gesa orang awam berhati-hati dengan 'penggoda siber'	Bernama.com
9.	KSN gesa perkukuh budaya kerja prestasi tinggi	Utusan Malaysia
10.	Prestasi pendidikan kita merosot?	Utusan Malaysia

KERATAN AKHBAR
UTUSAN MALAYSIA (DALAM NEGERI) : MUKA SURAT 25
TARIKH : 08 JANUARI 2014 (RABU)

MOSTI mahu orang ramai tidak terperangkap dalam bencana alam

Tingkat kesedaran tentang cuaca

Oleh **FADZLY IZAB**
pengarang@utusan.com.my

MELAKA 7 Jan. - Sikap tidak ambil berat tentang laporan cuaca dalam kalangan masyarakat menyebabkan mereka sering terperangkap dalam bencana alam yang sepatutnya telah dapat dijangka seperti banjir dan kejadian ribut.

Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI), Datuk Dr. Abu Bakar Mohamad Diah berkata, masyarakat masih kurang memberi tumpuan, malah ada yang menganggap maklumat ramalan kaji cuaca yang disiarkan Jabatan Meteorologi di televisyen mahupun radio kurang penting.

"Maklumat ramalan yang dikeluarkan menggunakan pendekatan teknologi moden adalah sangat bermanfaat, malah boleh membantu masyarakat dalam membuat persediaan berdepan dengan pelbagai



Maklumat ramalan yang dikeluarkan menggunakan pendekatan teknologi moden adalah sangat bermanfaat malah boleh membantu masyarakat dalam membuat persediaan berdepan dengan pelbagai bencana disebabkan termasuk banjir, ribut, hujan lebat dan laut bergelora.

DR. ABU BAKAR MOHAMAD
Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI)

bencana disebabkan termasuk banjir, ribut, hujan lebat dan laut bergelora," katanya.

Beliau juga Ahli Parlimen Tenggara Batu berkata demikian dalam sidang akhbar majlis Penyerahan Komputer Peringkat Parlimen Tenggara Batu di Sekolah Kebangsaan (SK) Malim, di sini hari ini.

Yang hadir sama Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Paya Rumput, Sazali Muhd. Din dan Ketua Pegawai Informasi Standard Char-

tered Bank Malaysia Berhad, Datuk Arif Sidiqi.

Sehubungan itu, kata Abu Bakar, MOSTI akan mengadakan kempen ke seluruh negara untuk memberi kesedaran kepada masyarakat tentang pentingnya ramalan kaji cuaca.

"MOSTI akan mengadakan perbincangan bagi memastikan kempen kesedaran ini dapat dilaksanakan bermula pada tahun ini selawat-lewatnya Februari akan da-

tang," ujarnya.

Katanya, kerajaan telah menyediakan pelbagai peralatan kaji cuaca yang canggih dan moden, malah setaraf dengan apa yang dimiliki negara maju.

"Namun begitu, ramalan kaji cuaca di negara ini masih belum mencapai tahap 100 peratus tepat dan hanya berada di tahap tahap 85 hingga 90 peratus sahaja.

"Oleh itu, kementerian turut menggalakkan pakar dalam bidang

berkenaan supaya membuat lawatan kerja ke luar negara untuk mempelajari teknologi canggih digunakan negara lain bagi mempertingkatkan ketepatan ramalan cuaca," jelas beliau.

Pada majlis berkenaan juga sebanyak lima buah komputer diserahkan oleh Standard Chartered Malaysia kepada sekolah berkenaan sebagai sumbangan bagi melengkapkan keperluan sekolah.

SK Malim merupakan salah satu daripada empat sekolah terpilih dari Parlimen Tenggara Batu dalam program berkenaan yang melibatkan sumbangan 15 buah komputer serta enam papan putih membabitkan kos keseluruhan sebanyak RM35,000.

Dua lagi sekolah masing-masing turut menerima lima buah komputer adalah SK Klebang Besar dan SK Sungai Udang manakala Sekolah Agama Jabatan Agama Islam Melaka (JAIM) Tanjung Kling menerima sumbangan enam buah papan putih.

Lindungi mata ketika lihat fenomena tompok matahari

KUALA LUMPUR - Agensi Angkasa Negara (Angkasa) menasihati orang ramai agar memakai alat perlindungan mata bersesuaian jika ingin memandang ke arah matahari, berikutan fenomena kemunculanompok matahari yang berlaku sejak beberapa hari lepas.

Menurut kenyataan agensi itu semalam, mata individu yang melihat matahari tanpa sebarang perlindungan berkemungkinan rosak dan buta.

"Tompok itu dikenali sebagai 'Wilayah Aktif 1944' dan merupakan satu kelompok matahari yang besar serta mengandungi lebih daripada 60ompok individu dan satu daripadanya ada-

lah jauh lebih besar daripada saiz bumi," katanya.

Kenyataan itu menyebut, 'Wilayah Aktif 1944' berjaya dirakam oleh Observatori Negara Langkawi Angkasa menerusi teleskop yang dinamakan Celestron C11 dan satu daripadaompok berkenaan berukuran empat kali ganda saiz diameter bumi serta boleh dilihat tanpa menggunakan teleskop atau binokular.

Sementara itu, Pegawai Penyelidik Observatori Negara Langkawi Angkasa, Mohammad Redzuan Tahar berkata,ompok matahari itu akan kelihatan untuk beberapa hari dan anggaran durasi bagiompok bersaiz kecil adalah antara tiga atau empat hari.



Lindungi Mata Ketika Lihat Fenomena Tompok Matahari - Angkasa

KUALA LUMPUR, 7 Jan (Bernama) -- [Agensi Angkasa Negara \(ANGKASA\)](#) menasihati masyarakat agar memakai alat perlindungan mata bersesuaian jika ingin memandang ke arah matahari berikutan fenomena kemunculan tompok matahari yang berlaku sejak beberapa hari lepas.

Menurut kenyataan agensi itu Selasa, mata individu yang melihat matahari tanpa sebarang perlindungan berkemungkinan rosak dan buta.

"Tompok itu dikenali sebagai 'Wilayah Aktif 1944' dan merupakan satu kelompok matahari yang besar serta mengandungi lebih daripada 60 tompok individu dan satu daripadanya adalah jauh lebih besar daripada saiz bumi," katanya.

Kenyataan itu menyebut Wilayah Aktif 1944 berjaya dirakam oleh Observatori Negara Langkawi Angkasa menerusi teleskop yang dinamakan Celestron C11 dan satu daripada tompok berkenaan berukuran empat kali ganda saiz diameter bumi serta boleh dilihat tanpa menggunakan teleskop atau binokular.

Sementara itu, Pegawai Penyelidik Observatori Negara Langkawi Angkasa Mohammad Redzuan Tahar berkata tompok matahari itu akan kelihatan untuk beberapa hari dan anggaran durasi bagi tompok bersaiz kecil adalah antara tiga atau empat hari.

"Fenomena itu berlaku dalam tempoh setiap 11 tahun yang mana medan magnet matahari berubah dari utara ke selatan, dan sebaliknya.

"Ia berlaku apabila kawasan magnet matahari tidak stabil serta membuang bahan dari permukaan matahari dan anggaran suhu bagi setiap tompok itu ialah 3,000 darjah selsius," katanya.

-- BERNAMA



Guna Alat Pelindung Mata

KUALA LUMPUR: **Agensi Angkasa Negara (ANGKASA)** menasihati masyarakat agar memakai alat perlindungan mata bersesuaian jika ingin memandang ke arah matahari berikutan fenomena kemunculan tompok matahari yang berlaku sejak beberapa hari lepas.

Menurut kenyataan agensi itu hari ini, mata individu yang melihat matahari tanpa sebarang perlindungan berkemungkinan rosak dan buta.

"Tompok itu dikenali sebagai 'Wilayah Aktif 1944' dan merupakan satu kelompok matahari yang besar serta mengandungi lebih daripada 60 tompok individu dan satu daripadanya adalah jauh lebih besar daripada saiz bumi," katanya.

Kenyataan itu menyebut Wilayah Aktif 1944 berjaya dirakam oleh Observatori Negara Langkawi Angkasa menerusi teleskop yang dinamakan Celestron C11 dan satu daripada tompok berkenaan berukuran empat kali ganda saiz diameter bumi serta boleh dilihat tanpa menggunakan teleskop atau binokular.

Sementara itu, Pegawai Penyelidik Observatori Negara Langkawi Angkasa Mohammad Redzuan Tahar berkata tompok matahari itu akan kelihatan untuk beberapa hari dan anggaran durasi bagi tompok bersaiz kecil adalah antara tiga atau empat hari.

"Fenomena itu berlaku dalam tempoh setiap 11 tahun yang mana medan magnet matahari berubah dari utara ke selatan, dan sebaliknya.

"Ia berlaku apabila kawasan magnet matahari tidak stabil serta membuang bahan dari permukaan matahari dan anggaran suhu bagi setiap tompok itu ialah 3,000 darjah selsius," katanya. - BERNAMA

Saintis Frim terima anugerah

KETUA Pengarah Institut Penyelidikan Perhutanan Malaysia (Frim), Datuk Dr Abd Latif Mohmod, menerima Anugerah Saintis Penyelidikan Terbaik Malaysia (TRSM) daripada Akademi Sains Malaysia (ASM), sementara Pengarah Biodiversiti Hutan Frim, Dr Saw Leng Guan dilantik Felo ASM yang baharu.

Mereka menerima pengiktirafan masing-masing pada majlis Penganugerahan Felo 2013 kepada Ahli-ahli Sains yang terpilih yang dirasmikan Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak.

Abd Latif menerima plak dan sijil pengiktirafan TRSM yang disampaikan

Presiden ASM, Tan Sri Dr Ahmad Tajuddin Ali.

Pada majlis itu, Perdana Menteri menyampaikan sijil pengiktirafan Felo kepada Dr Leng Guan dan 18 ahli sains lain. Leng Guan dilantik bagi kategori "Taksonomi Tumbuhan dan Ekologi".

Abd Latif adalah saintis Frim pertama menerima Anugerah TRSM sebagai pengiktirafan sumbangan dan usaha beliau yang konsisten dalam penyelidikan perhutanan.

Projek TRSM dilancarkan pada 2012 merupakan sebahagian daripada usaha ASM untuk memupuk budaya kecemerlangan dalam



Abd Latif (kanan) menerima plak dan sijil TRSM daripada Tajuddin.

bidang sains, teknologi dan inovasi (STI).

Ia juga bertujuan memberi pengiktirafan dan mempamerkan pencapaian

saintis penyelidikan Malaysia yang telah memberi sumbangan kepada pertumbuhan ekonomi negara.



Amaran Angin Kencang Dan Laut Bergelora Mulai Jumaat

KUALA LUMPUR, 7 Jan (Bernama) -- Beberapa kawasan perairan negara diramal dilanda angin kencang dan laut bergelora selama tiga hari bermula Jumaat hingga 13 Jan.

Jabatan Meteorologi Malaysia dalam kenyataan di sini berkata angin kencang Timur Laut berkelajuan 40 hingga 50 kmsj dengan ombak mencapai ketinggian 3.5 meter dijangka berlaku di kawasan perairan Pahang, Johor Timur, Sarawak, Labuan dan Sabah (Pedalaman, Pantai Barat, Kudat dan Sandakan).

Amaran sama turut dikeluarkan bagi kawasan di perairan Tioman, Bunguran, Reef South, Palawan dan Sulu.

"Keadaan angin kencang dan laut bergelora ini adalah bahaya kepada bot-bot kecil, rekreasi dan sukan laut," menurut kenyataan itu.

Selain itu, angin kencang Timur Laut yang bertiup dari 50 kmsj serta ombak setinggi 4.5 meter diramal melanda kawasan perairan Kelantan, Terengganu dan Samui bermula Khamis hingga 13 Jan.

Keadaan angin kencang dan laut bergelora itu berbahaya kepada semua aktiviti pantai dan perkapalan termasuk pekerja di pelantar minyak, menurut kenyataan itu.

-- BERNAMA

Landslide freezes KL traffic

All lanes along Jalan Mahameru heading into city centre blocked



KUALA LUMPUR: A landslide after a downpour brought traffic heading towards the city centre to a standstill.

The landslide blocked all three lanes and affected traffic along Jalan Mahameru heading towards Jalan Tun Razak, adjacent to Wisma Tani here yesterday.

A Kuala Lumpur City Hall (DBKL) enforcement unit spokesman said the 5.30pm incident left space for only motorcycles to pass through.

"Our disaster relief team was on site to clear the debris and soil from the landslide and divert traffic.

"By 6.30pm, one lane was cleared," he said, adding that no vehicles were trapped in the fallen soil and debris.

Deputy Federal Territories Minister Datuk Dr Loga Bala Mohan said the landslide was more severe than the one which occurred at the same slope on May 8 last year.

"Once the road is cleared, DBKL will put up a concrete barrier and open the road when it is deemed safe," he said.

In other parts of the city, flash floods inundated Jalan Ampang,



Cut off: Jalan Mahameru being cleared while commuters (inset) wait helplessly in their vehicles. — IZZRAFIQ ALIAS / The Star

Jalan Raja Chulan and various parts of the Bukit Jalil highway.

Bernama reported that the Malaysian Meteorological Department had issued a warning that strong winds and rough seas would hit several coastal areas from Friday to Jan 13.

The department said the north-

east winds would be blowing at a speed of 40kph to 50kph, with waves as high as 3.5m over the coastal waters of Pahang, East Johor, Sarawak, Labuan and Sabah (Interior, West Coast, Kudat and Sandakan).

The same warning was also issued for coastal areas in Tioman, Bungan, South Reef, Palawan and Sulu.

"The strong winds and rough seas are dangerous to small boats and recreational activities," the department said.

The coastal areas of Kelantan, Terengganu and Samui were expected to be hit by 50kph winds with waves of 4.5m from tomorrow to Monday.



CyberSecurity Gesa Orang Awam Berhati-hati Dengan 'Penggoda Siber'

KUALA LUMPUR, 7 Jan (Bernama) -- [CyberSecurity Malaysia, agensi pakar keselamatan siber kebangsaan di bawah Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi](#), telah memberi amaran kepada orang ramai untuk berhati-hati dengan 'penggoda siber'.

Dalam satu kenyataan di sini Selasa, [ketua pegawai eksekutif CyberSecurity Malaysia, Dr Amirudin Abdul Wahab](#), berkata terdapat trend meningkat dalam penipuan siber menerusi laman jaringan sosial.

Beliau berkata empat insiden penipuan ugutan siber dilaporkan kepada Pusat Bantuan Cyber999 pada 2012.

"Menjelang pertengahan 2013, pusat bantuan itu melihat trend meningkat dalam penipuan ugutan siber. Pada akhir 2013, angka itu meningkat kepada 73, yang merupakan 18.5 kali lebih banyak," kata beliau.

Amirudin berkata peningkatan itu amat membimbangkan agensi tersebut.

"Kami merujuk isu itu kepada Polis Diraja Malaysia untuk siasatan lanjut.

"Kami percaya terdapat lebih banyak insiden di luar sana yang tidak dilaporkan kepada kami," kata beliau.

Beliau berkata rakyat Malaysia harus lebih berhati-hati dan tidak melayan godaan dalam talian oleh wanita yang hanya mereka kenali dalam media sosial, tanpa mengenali mereka di dunia sebenar.

Amirudin berkata mangsa kebanyakannya adalah remaja lelaki dan lelaki dewasa.

"Pelaku disyaki rakyat asing, besar kemungkinan lelaki bersama dengan rakan wanita mereka yang membangunkan hub penipuan di pelbagai tempat termasuk di Malaysia," kata beliau.

-- BERNAMA

KERATAN AKHBAR
UTUSAN MALAYSIA (DALAM NEGERI) : MUKA SURAT 3
TARIKH : 08 JANUARI 2014 (RABU)

**KSN gesa
perkukuh
budaya kerja
prestasi tinggi**

PUTRAJAYA 7 Jan. - Ketua Setiausaha Negara, Tan Sri Dr. Ali Hamsa menggesa pegawai dan kakitangan awam memperkukuhkan budaya kerja berprestasi tinggi kerana ia sangat penting dalam persekitaran global yang semakin kompetitif.

Menurutnya, pengukuhan itu meliputi peningkatan daya saing Malaysia di persada antarabangsa seperti mana dicapai oleh negara yang menduduki tempat keenam Laporan Mudah Menjalankan Perniagaan Bank Dunia 2014.

Dalam masa yang sama, tambahnya, konsep 'Merakyatkan Perkhidmatan Awam' yang mengandungi enam prinsip antaranya turun padang, keterbukaan, musyawarah dan sebagainya perlu menjadi teras budaya kerja pada hari ini.

"Harapan besar diletakkan terhadap penjawat awam kerana anda merupakan ejen transformasi paling hadapan serta perantara rakyat dan kerajaan dalam menterjemahkan wawasan negara," katanya ketika berucap dalam Majlis Penganugerahan Diploma Pengurusan Awam (DPA) Tahun 2013 di sini hari ini.

Dalam majlis tersebut, Ali menyampaikan DPA kepada 735 Pegawai Tadbir Diplomatik (PTD) yang menamatkan kursus enam bulan.

Ali menambah, pengumuman 11 langkah perbelanjaan berhemat sektor awam baru-baru ini merupakan sumbangan kerajaan dalam usaha memastikan dana awam dibelanjakan secara berhemat dan berpatutan.

"Pelaksanaannya yang turut membabitkan pegawai kanan kerajaan menunjukkan kita sentiasa bersama rakyat dan selaras dengan konsep 'Merakyatkan Perkhidmatan Awam'," katanya.

Ali menegaskan, anggota perkhidmatan awam perlu berpegang kuat kepada prinsip taat setia tidak berbelah bahagi kepada negara, Yang di-Pertuan Agong dan kerajaan yang memerintah serta tidak sesekali mengutamakan kepentingan diri sendiri.

Prestasi pendidikan kita merosot?

BEBERAPA orang rakan guru yang sedang berkhidmat bertanya kepada penulis, betulkah prestasi pendidikan di negara kita kian merosot? Pertanyaan mereka mungkin merujuk keputusan kajian Program Penilaian Pelajar Antarabangsa (PISA) dan Jawatankuasa Trend Pendidikan Matematik dan Sains Antarabangsa (TIMSS) yang meletakkan negara dalam kumpulan sepertiga bawah dalam kalangan negara Organisasi Kerjasama Ekonomi dan Pembangunan (OECD). Kenyataan itu turut terkandung dalam Pelan Pembangunan Pendidikan 2013-2025.

Baru-baru ini pula Laporan Bank Dunia menyatakan prestasi pelajar merosot akibat sistem pendidikan kita yang terlalu berpusat.

Sebagai penera guru yang pernah berkhidmat lebih 35 tahun dalam bidang pendidikan, penulis menyangkal kenyataan rakan-rakan tersebut.

Ini disebabkan untuk menilai pencapaian pendidikan tidak boleh hanya melalui kajian yang ringkas dan melibatkan responden dalam bilangan yang kecil. Kajian yang komprehensif perlu merujuk kepada latar belakang sejarah, perbezaan lokasi sekolah, kedudukan masyarakat majmuk, sistem pentadbiran negara dan dasar pendidikan kebangsaan.

Oleh itu penilaian terhadap keberkesanan pendidikan tidak mencukupi hanya berdasarkan kepada keputusan dua kajian iaitu PISA dan TIMSS sahaja.

Terdapat puluhan lagi kajian yang dilakukan oleh banyak badan antarabangsa. Ini termasuk dalam kalangan negara-negara OECD iaitu 'Organisation for Economic Co-operation and Development' atau kajian pembangunan pendidikan oleh UNESCO, Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu.

Di antara kajian itu ialah 'Student to Teacher Ratio by Country 2010' dilakukan oleh 'Institute for Statistics, UNESCO'. Kajian ini membuat perbandingan nisbah bilangan guru dengan pelajar di peringkat sekolah rendah terhadap 207 buah negara. Hasil kajian itu mendapati negara kita mempunyai nisbah 1 guru kepada 13 pelajar. Kedudukan negara berada di peringkat yang sangat baik jika dibandingkan dengan negara lain malah termasuk di beberapa negara maju.

Kajian lain ialah 'National IQ Scores 2010' iaitu menilai tahap dan pencapaian inteligen pelajar berasaskan analisis IQ oleh Richard Lynn, Tatu Vanhanen dan Jelte Wicherts yang merupakan pakar psikologi dan sains politik. Kajian ini dilakukan dalam kalangan pelajar di 187 negara. Negara kita berada dalam kedua-

TAN SRI ALIMUDDIN
MOHD DOM
tan.sri.alimuddin@yahoo.com



Ini disebabkan untuk menilai pencapaian pendidikan tidak boleh hanya melalui kajian yang ringkas dan melibatkan responden dalam bilangan yang kecil. Kajian yang komprehensif perlu merujuk kepada latar belakang sejarah, perbezaan lokasi sekolah, kedudukan masyarakat majmuk, sistem pentadbiran negara dan dasar pendidikan kebangsaan.

dukun yang baik iaitu tempat ke-15 dengan jumlah skor 92 berbanding dengan negara yang berada di tangga pertama mendapat skor 108.

Kajian HDI atau 'Human Development Index 1975-2005' merupakan program pendidikan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu mengukur tahap pembangunan melibatkan indikator kesejahteraan kehidupan, pencapaian pendidikan dan kadar pendapatan tahunan. Kajian ini meletakkan negara di tangga ke-63 daripada 159 negara di seluruh dunia. Analisis statistik daripada kajian ini membolehkan setiap negara mewujudkan kerangka rujukan dalam bidang ekonomi dan sosial untuk berbagai kegunaan.

Selain itu, GGG Index atau 'The Global Gender Gap Index 2008' yang dibentangkan dalam World Economic Forum. Kajian ini dilakukan dengan kerjasama Universiti Harvard dan Universiti California, Berkeley, ia melihat sejauh mana peluang dan tahap pencapaian pendidikan berdasarkan perbezaan jantina dalam kalangan 130 buah negara. Hasil kajian itu tidak mengecewakan kerana meletakkan negara dalam kedudukan pertengahan daripada keseluruhan negara yang dikaji itu.

Dalam kajian 'Budget Expenditures 2013 Country Ranks' melalui sumber rujukan CIA



RAMAI pelajar kita yang belajar di luar negara dan mendapat anugerah cemerlang. Asasnya sudah tentu dibina sejak dibangku sekolah lagi. - GAMBAR HASAN

World Factbook 2013 didapati negara kita menduduki tempat ke-44 daripada 162 negara yang dinilai. Kajian ini menilai jumlah bajet tahunan negara yang diperuntukkan untuk bidang pendidikan. Bajet 2012 berjumlah RM75 bilion di mana 21% daripadanya diperuntukkan bagi bidang pendidikan. Sudah tentu bajet yang besar itu akan memberi impak terhadap perkembangan sektor pendidikan. Tidak banyak negara yang menyediakan peruntukan terbesar untuk pendidikan seperti yang diamalkan oleh negara kita.

Baru-baru ini dalam kenyataan akhbar Pengarah Bahagian Perancangan dan Penyelidikan Pendidikan, Kementerian Pendidikan, Dr. Faridah Abu Hassan menyatakan bahawa kajian PISA atau 'Programme for International Student Assessment', tahun 2012 membuat penilaian membabitkan empat bidang iaitu Matematik, Sains, Bacaan dan Penyelesaian Masalah.

Menurutnya persampelan kajian ini melibatkan 164 buah sekolah dan responden seramai 5,729 orang pelajar Tingkatan 2 hingga 5. Kajian yang bermula tahun 2000 akan diadakan setiap tiga tahun sekali.

Sementara itu, kajian TIMSS atau 'Trends in International Mathematics and Science Study' dilakukan oleh 'International Association for the Evaluation of Educational Achievement' memberi fokus kepada isi kandungan kurikulum.

Kajian ini menguji apa yang hendak diajar

dan apa yang dipelajari oleh pelajar bagi mata pelajaran Matematik dan Sains yang diadakan setiap empat tahun sekali. Responden kajian terdiri daripada pelajar dalam satu kelas sahaja di Tingkatan 2 melibatkan 150 buah sekolah yang dipilih secara rawak.

Temyata bahawa persampelan kedua-dua kajian PISA dan TIMSS tersebut adalah terlalu kecil jika dibandingkan bilangan sekolah yang berjumlah 10,000 buah dan pelajarnya mencapai hampir 5.4 juta orang. Tambahan pula kita mempunyai berbagai jenis sekolah dan kedudukan lokasi yang berbeza di seluruh negara.

Dalam situasi lain perbandingan pencapaian pendidikan antara sebuah negara dengan negara lain boleh dipersalahkan kerana setiap negara mempunyai dasar dan matlamat pendidikannya yang berbeza dan tersendiri.

Baru-baru ini pula Pengarah Bank Dunia bagi Asia Tenggara, Ulrich Zachau menyatakan sistem pendidikan kita yang terlalu berpusat dalam mengawal pengambilan guru dan rancangan perbelanjaan menyumbang kepada prestasi buruk pelajar dalam pengajian mereka.

Menurut laporan Bank Dunia sistem berpusat di mana Kementerian Pendidikan menetapkan perbelanjaan, pengambilan tenaga pengajar, sukatan pelajaran dan buku teks menyebabkan prestasi sebuah sekolah sukar untuk diakses.

Sesungguhnya pentadbiran secara berpusat bukanlah suatu yang baharu. Sistem ini diamalkan sejak negara mencapai kemerdekaan dan turut melibatkan semua kementerian. Penulis berpendapat dengan wujudnya Jabatan Pendidikan Negeri dan Pejabat Pendidikan Daerah telah berupaya mengurangkan kerenah birokrasi malah memudahkan sistem penyampaian, penyaluran peruntukan dan penyediaan segala keperluan sekolah.

Sistem pentadbiran berpusat diperlukan kerana pendidikan mempunyai peranan besar dalam pembangunan negara dan untuk merealisasikan agenda nasional seperti yang digariskan dalam Falsafah Pendidikan Kebangsaan.

Natijahnya kualiti pendidikan kita tidak merosot. Setiap tahun ribuan pelajar melanjutkan pelajaran ke luar negara. Kini tumpuan tidak hanya di negara penutur jati Bahasa Inggeris tetapi beralih ke negara lain seperti Perancis, Jerman, Mesir, Russia, Korea Selatan dan Jepun.

Ramai yang menerima anugerah dan mencapai keputusan cemerlang dalam pengajian mereka. Justeru kejayaan dan kecemerlangan itu sudah tentu asasnya telah dibina ketika di bangku sekolah lagi!

PENULIS ialah Pengerusi Yayasan Guru Malaysia Berhad dan Pengerusi Lembaga Pengarah Universiti UNISZA.